KM4-3: RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM *(PINDAAN JUN 2026)*

Kriteria	Perincian
1.0 Tujuan Penambahbaikan Garis Panduan	1. Menjelaskan tanggungjawab secara ketara setiap pihak berkepentingan yang akan merujuk kepada Garis Panduan Perancangan (GPP); iaitu pihak pemaju, industri, institusi Rumah Ibadat Selain Islam (RISI), serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). 2,. Menyediakan kerangka panduan perancangan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi teknikal berkaitan dalam merancang, menilai dan meluluskan penyediaan kemudahan rumah ibadat selain Islam. 3. Memperkukuh proses perancangan dan penyelarasan antara PBN, PBT, Jawatankuasa Khas Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao Negeri Selangor (LIMAS), agensi berkaitan, pemaju dan perunding dalam meneliti dan memudahkan cadangan pembinaan ataupun penempatan semula Rumah Ibadat SelainIslam secara lebih terancang dan sistematik serta responsif terhadap konteks setempat dan keperluan komuniti.
2.0 Keperluan Penyediaan Tapak RISI oleh Pemaju	**1. Pemaju perumahan dikehendaki menyerahkan semula tanah kepada Kerajaan sebagai syarat pelaksanaan pembangunan apabila projek pembangunan tersebut dimulakan.** **2. Tadahan Penduduk 5,000 penduduk dikira berdasarkan purata 4 penghuni di setiap 1,250 unit rumah** *[Ini bagi memastikan kemudahan mempunyai bilangan pengguna yang mencukupi, mudah diakses oleh komuniti setempat, serta dapat beroperasi secara optimum tanpa menyebabkan pembaziran sumber dan penggunaan tanah].* **3. Anggaran** keluasan keseluruhan kawasan pembangunan dianggarkan antara 10 hingga 25 hektar, bergantung kepada kepadatan pembangunan yang dicadangkan. ***Nota :*** ***i. Penyediaan tapak RISI baharu tidak memberi impak kepada kemudahan RISI yang sudahpun wujud berdekatan kawasan baharu.*** ***ii. Jumlah 5,000 penduduk merujuk kepada anggaran penghuni yang akan menduduki unit rumah baharu dan tidak membawa maksud jumlah penganut mana-mana agama.***
	2.1 Keluasan Tapak (Minimum) 1.50 ekar (0.61 hektar) bagi setiap 1250 unit rumah (Jumlah keluasan 1.50 ekar (0.61 hektar) untuk semua jenis RISI dan **penentuan keluasan tapak** mengikut agama adalah tertakluk kepada perakuan Jawatankuasa yang berkaitan **(Jawatankuasa Khas Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao Negeri Selangor (LIMAS)**. ***Nota:*** ***i. Keluasan tapak 1.50 ekar merujuk kepada keluasan minima yang perlu disediakan oleh pihak pemaju yang membina kawasan baharu, bukannya keluasan maksima. Ini turut tidak menghalang pendirian RISI selain ini di kawasan berhampiran.***

.....sambungan

Kriteria	Perincian
	2.2 Kemudahan RISI di Kediaman Bertingkat **i. Bagi pembangunan kediaman bertingkat yang terletak dalam radius 500 meter hingga 1 kilometer daripada kawasan yang tidak mempunyai kemudahan RISI, digalakkan untuk menyediakan sebuah bilik meditasi atau ruang sembahyang** dengan keluasan lantai sekurang-kurangnya 46.45 mp (500 kp). ii. Penyediaan bagi pembangunan yang melibatkan bagi 5,000 penduduk atau 1,250 unit kediaman. ***Nota:*** ***Bilik ini hendaklah bersifat neutral, tidak mewakili mana-mana agama tertentu serta terletak di lokasi yang mudah diakses oleh penghuni.***
	2.3 **Kemudahan Utiliti dan Infrastruktur** **i. Pemaju** hendaklah memastikan tapak rumah ibadat bukan Islam yang diserahkan **dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur dan utiliti asas yang lengkap**, termasuk akses jalan raya, bekalan air dan elektrik, sistem perparitan serta pembetungan yang berfungsi dengan baik bagi menjamin kebolehgunaan dan kelestarian kemudahan tersebut. ii. Pemaju hendaklah menyediakan infrastruktur akses yang bersesuaian, bagi memastikan rumah ibadat bukan Islam mempunyai hubungan yang selamat, mudah diakses dan berintegrasi dengan pembangunan di sekelilingnya. iii. Setiap keramat atau tempat penyembahan sementara yang dibina di tapak projek pembinaan hendaklah diroboh dan dimansuhkan selepas projek pembinaan disiapkan sepenuhnya mengikut upacara masing-masing.
	2.4 Komponen Kemudahan i. Penyediaan Rumah Ibadat Selain Islam diperlukan bagi mereka yang mengamalkan kepercayaan agama masing-masing. ii. Merizabkan tapak yang sesuai untuk dijadikan tempat ibadat bukan Islam secara sah. iii. Konsep pemusatan perlu mengambil kira kriteria seperti : • Kemampuan dan keluasan jalan untuk menampung trafik • Keserasian lokasi dan alam sekitar.

.....sambungan

Kriteria	Perincian
3.0 Penggunaan Premis Perniagaan, Industri dan Institusi sebagai Rumah Ibadat Selain Islam (RISI)	Pihak Berkuasa Negeri (PBN) boleh mempertimbangkan penggunaan premis perniagaan, industri dan institusi sebagai Rumah Ibadat Bukan Selain Islam (RISI) tertakluk kepada kesesuaian lokasi, sensitiviti antara agama, kepentingan awam serta kelulusan yang diproses oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
	3.1 Piawaian Perancangan Untuk RISI yang terletak di bangunan komersial, industri ataupun institusi, samada secara menggunakan sebahagian ataupun keseluruhan tapak bangunan tersebut, piawaian perancangan untuk pengubahsuaian bangunan tersebut seperti anjakan (*setback*), nisbah plot dsb mengikuti piawaian perancangan asal tapak tersebut
4.0 Piawaian untuk pembinaan RISI di atas tapak yang diberi oleh Kerajaan Negeri	**4.1 Ketinggian Bangunan** Ketinggian bangunan hendaklah selaras dengan profil visual setempat dengan mengutamakan keserasian reka bentuk dengan seni bina tempatan serta komuniti sekeliling. Pada masa yang sama, sebarang kawalan atau peraturan ketinggian yang dikuatkuasakan hendaklah bersifat adil dan berkecuali tanpa mengenakan bebanan berat yang tidak munasabah (substantial burden) mahupun mendiskriminasi mana-mana kumpulan agama berbanding institusi lain. **4.2 Tempat Letak Kenderaan** Menyediakan TLK, TLM dan TLK (OKU) yang mencukupi mengikut garis panduan semasa yang terpakai.
5.0 Peranan Jawatankuasa LIMAS	Sekiranya timbul sebarang pertikaian ataupun percanggahan, Jawatankuasa Khas Buddha, Kristian, Hindu, Sikh, dan Tao Negeri Selangor (LIMAS) akan bertindak sebagai badan penelitian rayuan untuk mempertimbangkan permohonan daripada instituti ataupun persatuan agama, dan berfungsi untuk memudahcara permohonan pembinaan ataupun pendirian RISI dengan membuat keputusan muktamad.

Nota Tambahan :

i. Pemaju boleh membuat rundingan awal bersama agensi-agensi dan kementerian berkaitan mengenai keperluan penyediaan kemudahan masyarakat di tapak cadangan tertakluk kepada kesesuaian dan keperluan pembangunan sekitar.

ii. Lain-lain kriteria akan dinilai berdasarkan permohonan dan akan dibincangkan oleh Jawatankuasa LIMAS dan bidang kuasa PBT mengikut dasar-dasar dan peruntukan undang-undang semasa.